NO. SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]

TARIKH : 21 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8206

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah untuk memastikan tindakan menangkap pemimpin kesatuan oleh pihak polis dalam kes kesatuan British American Tobacco di Petaling Jaya baru-baru ini tidak berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kehadiran pihak polis dalam mana-mana perhimpunan atau piket adalah untuk mengawal keselamatan dan ketenteraman awam supaya ianya berjalan lancar tanpa perkara yang tidak diingini berlaku. Mana-mana peserta yang menghadiri sesuatu perhimpunan atau berpiket yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang atau yang telah diberikan kelulusan oleh pihak berkuasa untuk berhimpun adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang terpakai ketika ini. Pihak polis akan mengambil tindakan sewajarnya jika kumpulan yang berhimpun membuat gangguan terhadap lalu lintas atau mengambil tindakan yang tidak selaras dengan mana-mana peruntukan di bawah mana-mana akta yang boleh mengakibatkan pemecahan keamanan.

Pihak polis tidak akan berkompromi dalam soal keselamatan dan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang cuba menggugat keselamatan Negara atau mengganggu ketenteraman awam tanpa mengira latar belakang seseorang. Pihak polis bersifat *"colour blind"* dalam perkara ini dan tiada jaminan diberikan kepada mana-mana pihak bahawa pihak polis tidak akan mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar undang-undang negara atau sebarang peraturan yang sedang berkuatkuasa.